

**Tarikh Dibaca: 11 November 2016**

# **KHUTBAH JUMAAAT**

***Tajuk:***

**“ANTARA TANGGUNGJAWAB ANAK  
DAN PEWARISAN HARTA”**

\*\*\*

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)
6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)
7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
9. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor
12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



## "ANTARA TANGGUNGJAWAB ANAK DAN PEWARISAN HARTA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ  
عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

<sup>1</sup> Al-Taghaabun ; 15



### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberi kekuatan dan kemudahan untuk beramal, bagi mencapai kejayaan di dunia dan juga di akhirat.

Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah **"ANTARA TANGGUNGJAWAB ANAK DAN PEWARISAN HARTA"**.

### **Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,**

Institusi keluarga yang berperanan dan menjadi asas kepada pembangunan generasi ummah sering berdepan dengan pelbagai cabaran. Ada kalanya menimbulkan dilema yang sukar di atasi, hingga membawa keretakan dan perbalahan. Perkara ini berlaku apabila orang tua mereka (ibu bapa) mula memerlukan perhatian khusus kerana sudah terlalu tua atau sakit. Lebih-lebih lagi apabila mereka tinggal bersendirian, jauh daripada tempat tinggal anak-anaknya. Yang paling menyedihkan, ia turut berlaku di kalangan mereka yang berpendidikan, berkedudukan, termasuk yang berpengetahuan agama dengan pelbagai alasan, ada antara mereka yang tidak bersedia menjaga ibu bapa, sehingga menimbulkan pertikaian.

Tidak dinafikan dalam realiti kehidupan hari ini, ada anak yang tinggal jauh, ada anak yang terlalu sibuk dengan pekerjaan atau ada anak yang mementingkan diri sendiri. Sesungguhnya benarlah ungkapan yang mengatakan "*Seorang ibu mampu menjaga sepuluh orang anaknya, tetapi belum tentu sepuluh orang anak mampu menjaga seorang ibu*". Sedangkan ibu bapa tidak pernah bersikap membeza-bezakan dalam memberi kasih



sayang dan layanan kepada anak-anaknya sekalipun terhadap anak-anak yang dilahirkan dalam keadaan cacat dan kurang upaya.

### **Muslimin Jumaat yang dikasihi Allah,**

Tanggungjawab menjaga ibu bapa tidak patut menimbulkan dilema dikalangan anak-anak hingga membawa persengketaan. Ini kerana ia adalah suatu kewajipan yang ditentukan oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 23-24;

﴿ وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا  
إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرُ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقُلْ  
لَهُمَا أُفِّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا  
وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذُلِّ مِنَ الْرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ  
أَرْحَمُهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴾

*"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ah!", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya*



kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuahanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil".

Anak-anak perlu sedar, ibu bapalah sebagai penyebab kewujudan kita. Ibu bapalah yang menjaga dan membesar kita dengan penuh rasa tanggungjawab dan kasih sayang, hingga dapat mengenal dunia dan mengecapi kesenangannya. Ibu bapa sanggup mengutamakan dan mementingkan anak-anak berbanding diri sendiri. Sesungguhnya tidak ternilai dan terbalas pengorbanan, susah payah dan jasa ibu bapa kepada anak-anak. Ingatlah, kesenangan yang dinikmati anak-anak bukan datang menggolek, tetapi adalah melalui perantaraan jerit perih usaha dan didikan ibu bapa. Tambahan pula, tanggungjawab ibu bapa tidak terhenti hanya ketika masa hidupnya sahaja, tetapi berusaha agar dapat meninggalkan harta untuk diwarisi oleh anak-anak supaya mereka tidak ditinggalkan dalam keadaan meminta-minta.

Imam al-Bukhari meriwayatkan hadis daripada Saad Bin Abi Waqqas RAhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;

...إِنَّمَا الْمُؤْمِنُ بِرَبِّهِ الَّذِي أَنْهَىٰ نَعْصَمَةَ الْجَنَّاتِ  
...إِنَّمَا الْمُؤْمِنُ بِرَبِّهِ الَّذِي أَنْهَىٰ نَعْصَمَةَ الْجَنَّاتِ

"...sesungguhnya meninggalkan keturunan kamu dalam keadaan kaya adalah lebih baik, berbanding dalam keadaan meminta-minta kepada manusia..."



Justeru, demi memastikan kemaslahatan kehidupan anak-anak terus terjaga, keadilan sosial dapat terpelihara. Seorang bapa tidak boleh menafikan hak anak untuk mewarisi hartanya. Hikmahnya, adalah supaya ibu bapa terus berpeluang memberi khidmat bakti kepada anak-anak, setelah kematianya melalui harta pusaka yang ditinggalkan. Selain tidak akan meminta-minta, anak-anak dapat terus memanjangkan jariah dengan niat membuat kebijakan kepada ibu bapanya melalui harta yang diwarisinya.

Apabila diteliti dan diperhalusi, terdapat kesejajaran antara tanggungjawab menjaga ibu bapa dengan hak mewarisi harta. Baik tanggungjawab dalam hal menjaga ibu bapa, atau dalam hal hak mewarisi harta, ia akan mengutamakan ahli waris yang terdekat dahulu berbanding yang lebih jauh. Itulah keadilan peraturan Islam yang ditentukan oleh Allah yang Maha Adil dan Maha Kaya.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Terdapat satu tanggungjawab yang sering disalah ertikan oleh anak-anak, iaitu yang diistilahkan dalam fekah sebagai a'faf. Ia bermaksud membaiki nafsu atau menutup syahwat atau melepaskan keinginan dengan cara mencari pasangan hidup. Terdapat ibu atau bapa yang tinggal bersendirian, sering merasa kesunyian apabila berlaku kematian atau perceraian. Namun hasratnya untuk berumahtangga lagi sering mendapat tentangan. Ada yang menggunakan alasan sebagai memalukan, bahkan ada yang takut tidak dapat mempusakai harta, dengan kehadiran ibu tiri.

Anak-anak hendaklah bertanggungjawab mencari pasangan yang sesuai dengan keizinan mereka jika perlu. Juga berkewajipan membayarkan mas kahwin, belanja nafkah, makan minum dan pakaian mereka sebagaimana mereka menguruskan kita dahulu. Ingatlah, gilirannya akan kita



lalui suatu masa nanti. Allah SWT Maha Adil, tidak mustahil bagaimana kita melayan ibu bapa, begitulah yang akan kita terima daripada anak-anak.

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Betapa cantiknya jika peraturan Allah SWT ini dipatuhi dan diikuti. Kesannya akan melahirkan suasana kehidupan yang harmoni, terhindar daripada sengketa serta beroleh keberkatan yang diraih hasil kesepakatan dalam melaksanakan tanggungjawab kepada ibu bapa. Dalam masa yang sama mensyukuri rezeki halal yang diperolehi hasil daripada harta peninggalan yang dipusakainya.

Adalah malang jika ibu bapa yang memerlukan perhatian diabaikan, tetapi harta peninggalan ibu bapa pula menjadi rebutan. Peraturan syarak diketepikan, nafsu dan akal dijadikan landasan, hingga timbul dilema yang tidak ada penyelesaian. Tidak sejajar antara tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan tuntutan hak dalam mewarisi harta pusaka. Soal tanggungjawab lebih mengharapkan adik beradik lain, tetapi dalam soal mewarisi harta ia menuntut supaya diberi keutamaan. Berbagai alasan digunakan hingga sanggup mengungkit, membuat dakwaan palsu yang dikaitkan dengan ibu bapa yang sudah tidak ada lagi. Tanggungjawab mendoakan kepada ibu bapa yang diharapkan daripada seorang anak yang soleh, bertukar menjadi cagaran demi membenarkan dakwaannya, bagi tujuan mendapat keutamaan dalam mewarisi harta. Ingatlah, memang segala-galanya memerlukan harta, tetapi harta bukanlah segala-galanya.

**Hadirin yang dimuliakan sekalian,**

Mengakhiri khutbah ini, beberapa peringatan dan pengajaran dirumuskan untuk dijadikan sebagai panduan kepada kita. antaranya;



1. Anak-anak wajib melaksanakan tanggungjawab terhadap segala keperluan ibu bapa terutamanya ketika mereka lanjut usia dan sakit sebagaimana diperintahkan oleh Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah memahami bahawa terdapat kesejajaran antara menjaga ibu bapa dan hak mewarisi harta pusaka.
3. Umat Islam hendaklah menjaga ibu bapa dengan penuh keikhlasan dan tidak merasainya sebagai satu bebanan.
4. Umat Islam hendaklah bersyukur ke atas harta pusaka yang mereka warisi dan berniat memanjangkan amal jariah melalui harta yang diwarisi.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَوَصَّيْنَا إِلَّا نَسَنَ بِوَلَدِيهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهُنَّا عَلَىٰ وَهُنِّ  
وَفَصَلُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلَوْلَدِيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ



"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah juga tempat kembali (untuk menerima balasan)".

(Luqman ; 14).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ  
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُووصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
الَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَى عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ مَلِكُنَا الْمُعَظَّمُ سُلْطَانُ  
سَلَاغُورَ، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَالَّاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُورِ ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ . اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ ،  
وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ .

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.



Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبُّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبُّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.